



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2001**

---

**PERTUKARAN PELANTIKAN ANGGOTA DALAM SKIM PERKHIDMATAN  
MATA-MATA DAN PEGAWAI RENDAH PASUKAN SENOI PRAAK KE SKIM  
PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan supaya anggota dalam skim perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak Gred YS10, YS9, YS8, YS7, YS6 ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP11, YP10, YP9, YP8, YP7, YP6 mulai 1 Januari 2001.

**LATAR BELAKANG**

2. Skim perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak telah dijumudkan semasa pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB). Sehubungan itu kerajaan telah mengkaji kedudukan semasa perkhidmatan ini dan seterusnya bersetuju supaya anggota yang terlibat ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli untuk menyediakan peluang kemajuan kerjaya.

## **PELAKSANAAN**

3. Syarat-syarat pertukaran pelantikan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak ke Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli adalah seperti berikut:-

- a. tamat darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan ; atau
- b. jika tidak memiliki kelayakan seperti di perenggan 3(a) di atas hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun dalam perkhidmatan sekarang.

4. Pertukaran pelantikan ini akan dijalankan mengikut pangkat anggota ke pangkat yang sama dalam skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli.

## **OPSYEN**

5. Pelaksanaan urusan ini dibuat melalui pemberian opsyen dan pilihan yang dibuat adalah muktamad. Anggota yang layak dalam skim perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak diberi tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran untuk membuat opsyen sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga meninggalkan perkhidmatan.

6. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada anggota yang bertaraf tetap dalam skim perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak dan telah

memilih opsyen SSB. Anggota lantikan sementara/kontrak/sambilan tidak diberi opsyen ini.

7. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh Surat Tawaran, Peraturan dan Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen adalah seperti di **Lampiran-lampiran [A](#), [A1](#) dan [A2](#).**

### **KAEDAH PELARASAN GAJI**

8. Kaedah pelarasan gaji anggota dalam skim perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Senoi Praak Gred YS10, YS9, YS8, YS7, YS6 ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred YP11, YP10, YP9, YP8, YP7, YP6 mengikut pangkat yang sama pada tarikh kuatkuasa tukar lantik adalah seperti berikut :-

- a. gaji anggota diselaras ke mata gaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat gaji Gred YP11, YP10, YP9, YP8, YP7, YP6 dalam tangga gaji jawatan baru sekiranya gaji jawatan lama adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam jawatan baru; dan
- b. anggota yang berada di mata gaji maksimum mengikut Peringkat gaji pada tarikh kuatkuasa tukar lantik dan mendapati gaji sekarang tidak dapat ditampung oleh mata gaji maksimum Gred YP11, YP10, YP9, YP8, YP7, YP6 dalam skim perkhidmatan barunya, maka sifir-sifir pemindahan gaji KUP hendaklah dipohon dari Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

9. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pelarasan gaji. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

## **KAEDAH PELAKSANAAN PERGERAKAN GAJI TAHUN 2001**

### **Pergerakan Gaji Lama Sama Dengan Tarikh Kuatkuasa**

10. Anggota terlibat yang TPG asalnya sama dengan tarikh kuatkuasa urusan ini hendaklah diselaraskan gajinya ke matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat gaji dalam tanggagaji skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli terlebih dahulu. Apabila keputusan Panel Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) tahun 2001 diumumkan, anggota yang berkenaan diberi pergerakan gaji tahunan dan diselaraskan gaji mengikut keputusan PPG pada 1 Januari 2001. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di Lampiran B.

### **Pergerakan Gaji Lama Tidak Sama Dengan Tarikh Kuatkuasa**

11. Anggota yang TPG asalnya ialah pada 1 April 2001, 1 Julai 2001 dan 1 Oktober 2001 hendaklah juga diselaraskan gajinya ke matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat gaji dalam tanggagaji skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli terlebih dahulu. Apabila keputusan Panel Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) tahun 2001 diumumkan, anggota yang berkenaan diberi pergerakan gaji tahunan dan diselaraskan gaji mengikut keputusan PPG pada 1 Januari 2001. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di Lampiran-lampiran [C](#), [C1](#), [C2](#), [C3](#) dan [C4](#).

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

12. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik/Ketua

Perkhidmatan/Jabatan dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

- a. Pihak Berkuasa Melantik berkenaan melalui Ketua Perkhidmatan/ Jabatan hendaklah mengedarkan surat tawaran opsyen kepada anggota yang terlibat;
- b. Ketua Jabatan hendaklah memberi penjelasan secara terperinci mengenai opsyen kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- c. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan ke Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi urusan pewujudan jawatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli bagi menampung pelantikan di bawah urusan ini;
- d. anggota yang terlibat hendaklah membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- e. anggota hendaklah membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran; dan
- f. anggota yang tidak menerima opsyen ini akan kekal dalam perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga meninggalkan perkhidmatan.

## **TARIKH KUATKUASA**

13. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2001.

## **PEMAKAIAN**

14. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai untuk pasukan Polis Diraja Malaysia sahaja.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI)**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**  
**Malaysia.**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**MALAYSIA**  
**PUTRAJAYA**

11 Oktober 2001

Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Ketua Polis Negara

**LAMPIRAN 'A'**

(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Bil. :

Tarikh :

Nama : ( nama anggota )

Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Melalui Ketua Jabatan,

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN MATA-  
MATA DAN PEGAWAI RENDAH PASUKAN SENOI PRAAK DI (nama agensi**

**hakiki) KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN  
KONSTABEL ORANG ASLI DI (nama agensi yang menerima pertukaran  
pelantikan anggota) MELALUI OPSYEN**

-----  
-----

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa tuan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli di (nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota) di bawah klasifikasi perkhidmatan Polis mulai pada (tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan) mengikut syarat-syarat seperti berikut:

- (a) tuan akan diberi gaji P....T....RM.....atas gred gaji .....
  - (b) tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan [Lampiran "A1"](#); dan
  - (c) jika tuan bersetuju menerima tawaran opsyen ini tuan perlu menjawab dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran ini.
2. Tuan dikehendaki menandatangani kertas opsyen seperti di [Lampiran "A2"](#) dan mengembalikannya kepada (nama pihak berkuasa melantik yang menawarkan opsyen) dalam tempoh yang dinyatakan di perenggan (c) di atas.

Sekian, terima kasih.



Saya yang menurut perintah,

-----

( )

[ Nama Pihak Berkuasa Melantik /

agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota ]

**PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI  
OPSYEN  
(BAGI ANGGOTA TETAP SAHAJA)**

---

-----

1. Kerajaan telah bersetuju supaya anggota dalam skim **OPSYEN** perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli. Tuan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli ataupun kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah muktamad.
2. Tuan diberi tempoh selama 30 hari mulai dari tarikh tawaran dikeluarkan untuk membuat pilihan. Jika tuan tidak membuat **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN** pilihan dalam tempoh tersebut atau gagal mengembalikan kertas opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat, tuan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini.

3. Tuan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsi ini akan ditawarkan gred jawatan dan gaji yang setaraf. **JAWATAN DAN GAJI YANG DITAWARKAN**
4. Tuan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsi ini akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan ditukar lantik. Gelaran jawatan tuan jika perlu akan diubahsuaikan mengikut skim perkhidmatan tersebut. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Tuan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baru dan gaji tuan di jawatan yang baru akan ditetapkan pada matagaji yang tertinggi berhampiran dengan gaji akhir yang diterima semasa berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang. Tarikh pergerakan gaji tuan akan berubah berdasarkan kepada tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan tuan. **GAJI DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI**
6. Jika tuan telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang, tuan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan dalam perkhidmatan baru yang tuan ditukar lantik. Oleh itu, Ketua Jabatan tuan yang baru bolehlah memperakukan kepada Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk mengesahkan tuan dalam perkhidmatan baru selepas pertukaran pelantikan **ANGGOTA YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

ini dikuatkuasakan.

7. Tuan yang belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang adalah dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan itu di dalam skim perkhidmatan baru dengan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Pengecualian hanya boleh diberi bagi syarat (sepenuhnya atau sebahagian) yang telah dipenuhi dalam perkhidmatan sekarang.
- ANGGOTA  
YANG BELUM  
DISAHKAN  
DALAM  
PERKHIDMATAN**
8. Kekananan tuan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini adalah dikira mulai tarikh tuan mula dilantik atau dinaikkan pangkat dalam perkhidmatan sekarang (Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak).
- KEKANANAN**
9. Tuan yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum diberi taraf berpencen semasa ditukar lantik, akan diberi opsyen pada tarikh pengesahan samada memilih skim pencen atau skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jika tuan memilih skim pencen tempoh perkhidmatan tuan yang lepas boleh dimasukkan kira bagi maksud pengiraan faedah persaraan sekiranya didapati layak mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- PEMBERIAN  
TARAF  
BERPENCEN**

10. Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasa akan dikekalkan selaras dengan peruntukan Perintah Am 39 Bab A, 1973.
- TARAF  
BERPENCEN  
DIKEKALKAN**
11. Tuan dibenarkan membawa baki cuti rehat tuan semasa dalam perkhidmatan sekarang ke dalam perkhidmatan yang baru mengikut syarat dan peraturan yang berkuatkuasa. Pengumpulan cuti ini termasuklah bagi tujuan gantian cuti rehat. Tempoh perkhidmatan tuan dalam perkhidmatan sekarang boleh diambilkira untuk menentukan jumlah cuti rehat yang tuan layak dalam perkhidmatan baru.
- MEMBAWA  
BAKI CUTI  
REHAT**
12. Tuan yang menerima pertukaran pelantikan ini boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.
- PENEMPATAN**
13. Ketua Perkhidmatan tuan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan ditukar lantik.
- KETUA  
PERKHIDMATAN**
14. Tuan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah tertakluk kepada peraturan perkhidmatan, pekeliling/surat pekeliling dan panduan serta perintah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.
- MEMATUHI  
PERATURAN**

15. Tuan yang menerima pertukaran pelantikan ini dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan dengan syarat telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan sekarang.
16. Tuan tidak berhak dan tidak boleh kembali ke perkhidmatan asal tuan kerana dengan berkuatkuasanya pertukaran pelantikan ini hubungan tuan dengan jawatan sekarang adalah terputus kecuali bagi tujuan pemberian kemudahan cuti, pinjaman dan faedah pencen.
17. Pertukaran pelantikan melalui pemberian opysen ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2001.

**SYARAT  
PELANTIKAN  
YANG  
DIKECUALIKAN**

**HUBUNGAN  
DENGAN  
PERKHIDMATAN  
LAMA**

**TARIKH  
KUATKUASA**

**BORANG OPSYEN**

---

---

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada :

(Nama pihak berkuasa melantik)

---

---

Melalui Ketua Jabatan

(Nama ketua agensi)

---

---

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN MATA-  
MATA DAN PEGAWAI RENDAH PASUKAN SENOI PRAAK DI (nama agensi  
hakiki) KE PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL  
ORANG ASLI DI ( nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan )**

**MELALUI OPSYEN**

-----  
-----

Berhubung dengan surat tuan bil. ....  
bertarikh ..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini  
membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

\* (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan  
 Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi Praak di (nama  
agensi hakiki) di bawah klasifikasi perkhidmatan Polis ke skim  
perkhidmatan Pegawai Rendah Polils dan Konstabel Orang Asli di  
(nama agensi yang menerima anggota) dengan menerima gaji  
P...T....RM \_\_\_\_\_ sebulan atas gred gaji \_\_\_\_ dengan syarat-  
syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran di [Lampiran "A1"](#);

\* (b) **Tidak bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim  
 perkhidmatan Mata-mata dan Pegawai Rendah Pasukan Senoi  
Praak di (nama agensi hakiki) ke perkhidmatan Pegawai Rendah  
Polis dan Konstabel Orang Asli di bawah klasifikasi perkhidmatan  
Polis di (nama agensi yang menerima

anggota) dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang secara  
Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga saya meninggalkan perkhidmatan.



2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi opsyen ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad.

Tandatangan : .....

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

Tarikh : .....

Di hadapan :

.....

SAKSI\*\*

(Tandatangan dan Cop Jawatan )

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

Tarikh : .....

---

\* Tandakan (4 ) dalam salah satu petak yang berkenaan.

\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**BORANG PENGISYTIHARAN HARTA TAMBAHAN**

**PERHATIAN:**

- 1 Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dalam 5 salinan.
- 2 Borang ini hendaklah diisi dengan ditaip atau ditulis dengan huruf cetak dan salinan boleh dibuat secara fotokopi.

**1 KETERANGAN MENGENAI PEGAWAI**

i. Nama :  
.....

ii. No. Kad :  
Pengenalan :  
.....

iii. Jawatan dan :  
Gred :  
.....

iv. Nama :  
Kementerian/ :  
Jabatan dan :  
Alamat :  
.....  
.....  
.....

v. Kementerian/Jab :  
atan Dimana :  
Laporan Harta :  
Terakhir Dibuat :  
.....

**2 KETERANGAN MENGENAI KELUARGA**

i. **Suami/isteri**

<b>Nama</b>	<b>No. Kad Pengenalan</b>	<b>Pekerjaan/Alamat Majikan (jika berkaitan)</b>
a .....	.....	.....
. .....		.....
		.....
		.....
		.....
		.....
		.....
b .....	.....	.....
. .....		.....
		.....
		.....
		.....
		.....

ii **Bilangan Anak :** .....

.

**3 PENDAPATAN BULANAN**

.

	<b>Pegawai</b>	<b>Suami/Isteri</b>
i. Gaji dan Elaun :	.....	.....
ii Pendapatan :	.....	.....
. Lain		
(Nyatakan		
Jumlah Besar)		
<b>JUMLAH</b> :	.....	.....

**4 TANGGUNGAN/ANSURAN BULANAN ATAS  
HUTANG/PINJAMAN**

	<b>Pegawai</b>	<b>Suami/Isteri</b>
i. Jumlah :	.....	
Tanggungan	.....	

Hutang/Pinjama  
n

ii Jumlah Bayaran : .....  
. Bulanan .....

**KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI MELAKSANAKAN**

**KEPUTUSAN PANEL PENILAIAN PRESTASI DAN**

**PERGERAKAN GAJI (PPG) DALAM TAHUN 2001**

**Kaedah Pelarasan Gaji Bagi Penyandang Atas Jawatan Sarjan (Skim Perkhidmatan Mata-Mata dan Pegawai Rendah Senoi Praak) Gred YS8 Diselaraskan Ke Jawatan Sarjan Gred YP8 Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli iaitu Kepada Matagaji Baru Tertinggi Berhampiran Mengikut Peringkat Gaji**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred YS8  (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred YP8  (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.4.2000	1160.50 (P1T5)	-	Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal
31.12.2000	1160.50 (P1T5)	-	Gaji terakhir sebelum tahun berkuatkuasanya pertukaran pelantikan
1.1.2001	-	1221.00 (P1T6)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru. Diselaraskan gaji ke matagaji baru tertinggi berhampiran mengikut Peringkat gaji
1.1.2001	-	1357.40 (P2T7 – melintang)	

		<p><b>atau</b></p> <p>1294.70 (P2T6 - menegak)</p> <p><b>atau</b></p> <p>1281.50 (P1T7 - mendatar)</p> <p><b>atau</b></p> <p>1221.00 (P1T6 – statik))</p>	<p>Diselaraskan atas gaji baru apabila Keputusan PPG tahun 2001 diumumkan</p>
1.1.2002	-		TPG baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi

**KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI MELAKSANAKAN**

**KEPUTUSAN PANEL PENILAIAN PRESTASI DAN**

**PERGERAKAN GAJI (PPG) DALAM TAHUN 2001**

**Kaedah Pelarasan Gaji Bagi Penyandang Atas Jawatan Sub-Inspektor (Skim Perkhidmatan Mata-Mata dan Pegawai Rendah Senoi Praak) Gred YS6 Diselaras Ke Jawatan Sub-Inspektor Gred YP6 Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli iaitu Kepada Matagaji Baru Tertinggi Berhampiran Mengikut Peringkat Gaji**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred YS6</b>	<b>Gaji Baru Gred YP6</b>	<b>Catatan</b>
	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	
1.7.2000	1523.50 (P1T5)	-	Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal
31.12.2000	1523.50 (P1T5)	-	Gaji terakhir sebelum tahun berkuatkuasanya pertukaran pelantikan



1.1.2001	-	1584.00 (P1T6)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru. Diselaraskan gaji ke matagaji baru tertinggi berhampiran mengikut Peringkat gaji
1.1.2001	-	1733.60 (P2T7 – melintang)  <b>atau</b>  1670.90 (P2T6 - menegak)  <b>atau</b>  1644.50 (P1T7 - mendatar)  <b>atau</b>  1584.00 (P1T6 – statik))	Diselaraskan atas gaji baru apabila  Keputusan PPG tahun 2001 diumumkan
1.1.2002	-		TPG baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi

**KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI MELAKSANAKAN**

**KEPUTUSAN PANEL PENILAIAN PRESTASI DAN**

**PERGERAKAN GAJI (PPG) DALAM TAHUN 2001**

**Kaedah Pelarasan Gaji Bagi Penyandang Atas Jawatan Sarjan Mejar(Skim Perkhidmatan Mata-Mata dan Pegawai Rendah Senoi Praak) Gred YS7 Diselaraskan Ke Jawatan Sarjan Mejar Gred YP7 Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli iaitu Kepada Matagaji Baru Tertinggi Berhampiran Mengikut Peringkat Gaji**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred YS7  (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred YP7  (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.10.2000	1402.50 (P1T6)	-	Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal
31.12.2000	1402.50 (P1T6)	-	Gaji terakhir sebelum tahun berkuatkuasanya pertukaran pelantikan
1.1.2001	-	1463.00 (P1T7)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru. Diselaraskan gaji ke matagaji baru tertinggi berhampiran mengikut Peringkat gaji
1.1.2001	-	1608.20	

		(P2T8 – melintang)  <b>atau</b>  1545.50 (P2T7 - menegak)  <b>atau</b>  1523.50 (P1T8 - mendatar)  <b>atau</b>  1463.00 (P1T7 – statik))	Diselaraskan atas gaji baru apabila  Keputusan PPG tahun 2001 diumumkan
1.1.2002	-		TPG baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi

**KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI MELAKSANAKAN**

**KEPUTUSAN PANEL PENILAIAN PRESTASI DAN**

**PERGERAKAN GAJI (PPG) DALAM TAHUN 2001**

**Kaedah Pelarasan Gaji Bagi Penyandang Atas Jawatan Koperal (Skim Perkhidmatan Mata-Mata dan Pegawai Rendah Senoi Praak) Gred YS9 Diselaras Ke Jawatan Koperal Gred YP9 Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli iaitu Kepada Matagaji Baru Tertinggi Berhampiran Mengikut Peringkat Gaji**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred YS9  (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred YP9  (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.10.2000	1227.60 (P3T10)	-	Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal
31.12.2000	1227.60 (P3T10)	-	Gaji terakhir sebelum tahun berkuatkuasanya pertukaran pelantikan
1.1.2001	-	1292.50 (P3T11)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru. Diselaraskan gaji ke matagaji baru tertinggi berhampiran mengikut Peringkat gaji

1.1.2001	-	1357.40 (P3T12 – melintang)  <b>atau</b>  1357.40 (P3T12 - menegak)  <b>atau</b>  1357.40 (P3T12 - mendatar)  <b>atau</b>  1292.50 (P3T11 – statik)	Diselaraskan atas gaji baru apabila  Keputusan PPG tahun 2001 diumumkan
1.1.2002	-		TPG baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi

**JADUAL GAJI BARU BAGI PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : SUB-INSPEKTOR**

**I. GRED GAJI SSB : YP6**

**II. KOD GAJI KOMPUTER : YP06000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2001**

**JADUAL GAJI BARU : YP6**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>
<b>P1</b>	1281.50	1342.00	1402.50	1463.00	1523.50	1584.00	1644.50	1705.00
<b>P2</b>	1357.40	1420.10	1482.80	1545.50	1608.20	1670.90	1733.60	1796.30
<b>P3</b>	1435.50	1500.40	1565.30	1630.20	1695.10	1760.00	1824.90	1889.80

**JADUAL GAJI BARU BAGI PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA  
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : SARJAN MEJAR**

**I. GRED GAJI SSB : YP7**

**II. KOD GAJI KOMPUTER : YP07000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2001**

**JADUAL GAJI BARU : YP7**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>
<b>P1</b>	1100.00	1160.50	1221.00	1281.50	1342.00	1402.50	1463.00	1523.50
<b>P2</b>	1169.30	1232.00	1294.70	1357.40	1420.10	1482.80	1545.50	1608.20
<b>P3</b>	1240.80	1305.70	1370.60	1435.50	1500.40	1565.30	1630.20	1695.10

**JADUAL GAJI BARU BAGI PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA  
(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT : SARJAN**

**I. GRED GAJI SSB : YP8**

**II. KOD GAJI KOMPUTER : YP08000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2001**

**JADUAL GAJI BARU : YP8**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>
<b>P1</b>	918.50	979.00	1039.50	1100.00	1160.50	1221.00	1281.50	1342.00	1402.50
<b>P2</b>	981.20	1043.90	1106.60	1169.30	1232.00	1294.70	1357.40	1420.10	1482.80
<b>P3</b>	1046.10	1111.00	1175.90	1240.80	1305.70	1370.60	1435.50	1500.40	1565.30



**JADUAL GAJI BARU BAGI PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA**  
**(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)**  
**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT: KOPERAL**

**I. GRED GAJI SSB: YP9**

**II. KOD GAJI KOMPUTER: YP09000**

**III. TARIKH KUATKUASA: 1.1.2001**

**JADUAL GAJI BARU: YP9**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
<b>P1</b>	649.00	689.70	730.40	771.10	811.80	852.50	893.20	933.90	994.40	1054.90	1115.40	1175.90	1236.40	1296.90
<b>P2</b>	690.80	732.60	774.40	816.20	858.00	899.80	941.60	1004.30	1067.00	1129.70	1192.40	1255.10	1317.80	1380.50
<b>P3</b>	737.00	783.20	829.40	875.60	921.80	968.00	1032.90	1097.80	1162.70	1227.60	1292.50	1357.40	1422.30	1487.20

JADUAL GAJI BARU BAGI PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)

(RM SEBULAN)

PANGKAT: LANS KOPERAL

I. GRED GAJI SSB: YP10

II. KOD GAJI KOMPUTER: YP10000

III. TARIKH KUATKUASA: 1.1.2001

JADUAL GAJI BARU: YP10

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
P1	869.00	909.70	950.40	991.10	1031.80	1072.50	1113.20	1153.90
P2	910.80	952.60	994.40	1036.20	1078.00	1119.80	1161.60	1203.40
P3	957.00	1003.20	1049.40	1095.60	1141.80	1188.00	1234.20	1280.40

**JADUAL GAJI BARU BAGI PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**(PERKHIDMATAN ORANG ASLI)**

**(RM SEBULAN)**

**PANGKAT: KONSTABEL**

**I. GRED GAJI SSB: YP11**

**II. KOD GAJI KOMPUTER: YP11000**

**III. TARIKH KUATKUASA: 1.1.2001**

**JADUAL GAJI BARU: YP11**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>	<b>T12</b>	<b>T13</b>	<b>T14</b>	<b>T15</b>
<b>P1</b>	533.50	570.90	608.30	645.70	683.10	720.50	757.90	795.30	832.70	870.10	907.50	944.90	982.30	1019.70	1057.10
<b>P2</b>	572.00	610.50	649.00	687.50	726.00	764.50	803.00	841.50	880.00	918.50	957.00	995.50	1034.00	1072.50	1111.00
<b>P3</b>	611.60	651.20	690.80	730.40	770.00	809.60	849.20	888.80	928.40	968.00	1007.60	1047.20	1086.80	1126.40	1166.00

**SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS  
DAN KONSTABEL ORANG ASLI**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN POLIS

**KUMPULAN** : SOKONGAN

**PERKHIDMATAN**

**TARIKH KUATKUASA** : 1 JANUARI 2001

<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
Konstabel	Gred YP11	:	P1T1	RM533.50	-	P1T15	RM1057.10
			P2T1	RM572.00		P2T15	RM1111.00
			P3T1	RM611.60		P3T15	RM1166.00
Lans Koperal	Gred YP10	:	P1T1	RM869.00	-	P1T8	RM1153.90
			P2T1	RM910.80		P2T8	RM1203.40
			P3T1	RM957.00		P3T8	RM1280.40
Koperal	Gred YP9	:	P1T1	RM649.00	-	P1T14	RM1296.90
			P2T1	RM690.80		P2T14	RM1380.50
			P3T1	RM737.00		P3T14	RM1487.20
Sarjan	Gred YP8	:	P1T1	RM918.50	-	P1T9	RM1402.50
			P2T1	RM981.20		P2T9	RM1482.80
			P3T1	RM1046.10		P3T9	RM1565.30

Sarjan Mejar	Gred YP7	:	P1T1	RM1100.00	-	P1T8	RM1523.50
			P2T1	RM1169.30		P2T8	RM1608.20
			P3T1	RM1240.80		P3T8	RM1695.10
Sub-Inspektor	Gred YP6	:	P1T1	RM1281.50	-	P1T8	RM1705.00
			P2T1	RM1357.40		P2T8	RM1796.30
			P3T1	RM1435.50		P3T8	RM1889.80

## SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia yang berasal dari kaum Orang Asli (mengikut tafsiran Akta Orang-orang Asli 1974);
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) tamat darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dengan memuaskan;

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran badan dan pancaindera seperti berikut:-

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.52m;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6 kg;
- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas;
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vi) diakui sihat oleh Pegawai Perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan X-ray.

<b>PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN</b>	2.	Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah di beri kuasa olehnya.
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	3.	Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YP11 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan pangalaman kerja berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	4.	Konstabel Orang Asli yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	5.	Konstabel Orang Asli yang dilantik akan dikehendaki mengikuti kursus latihan selama tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PEPERIKSAAN/ KURSUS INDUKSI</b>	6.	Konstabel Orang Asli dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>GAGAL DALAM LATIHAN DAN PENAMATAN LANTIKAN</b>	7.	Konstabel Orang Asli dalam tempoh percubaan yang gagal latihannya boleh dipertimbang supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	8.	Konstabel Orang Asli yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-  (a) memenuhi tempohpercubaan;  (b) tamat dengan jayanya latihan yang ditetapkan;  (c) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan  (d) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.
<b>PERGERAKAN GAJI</b>	9.	Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**TAHUNAN**

berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KURSUS KENAIKAN  
PANGKAT**

10. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.

**KEMAJUAN KE  
PANGKAT LANS  
KOPERAL ORANG ASLI**

11. Konstabel Orang Asli adalah layak dipertimbang untuk dimajukan ke pangkat Lans Koperal Orang Asli apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan; dan

(b) mendapat sokongan dari Pegawai Memerintahnya;

**KENAIKAN PANGKAT KE  
JAWATAN KOPERAL  
ORANG ASLI**

12. Konstabel/Lans Koperal Orang Asli adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Koperal Orang Asli kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

(c) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan seperti di perenggan 6 di atas;

(d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 10 di atas jika berkenaan; dan

(e) diperakukan layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.



**KENAIKAN PANGKAT KE  
JAWATAN SARJAN  
ORANG ASLI**

13. Koperal Orang Asli adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Orang Asli yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 10 di atas jika berkenaan; dan
  - (c) diperakukan layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya

**KENAIKAN PANGKAT KE  
JAWATAN SARJAN  
MEJAR ORANG ASLI**

14. Sarjan Orang Asli adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Sarjan Mejar Orang Asli yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 10 di atas jika berkenaan; dan
  - (c) diperakukan layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

- (c) diperakukan layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
JAWATAN SUB-  
INSPEKTOR ORANG ASLI**

15. Sarjan Mejar Orang Asli adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Sub-Inspektor Orang Asli yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 10 di atas jika berkenaan; dan
- (c) diperakukan layak dan sesuai dari segi kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.